

## Ibu sebak terima Ijazah Anumerta UMP



Kuantan, 18 November- Seorang ibu sebak apabila menerima Ijazah Anumerta anaknya pada Majlis Konvokesyen Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang diadakan di Dewan Kompleks Sukan UMP Kampus Gambang hari ini. Ijazah berkenaan dianugerahkan kepada mendiang Kamalanathan A/L Narayanan graduan Sarjana Muda (Kepujian) Kejuruteraan Kimia yang meninggal dunia akibat kemalangan di Kuala Krai.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang Tengku Mahkota Tengku Abdullah Al-Haj Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah mengurniakan ijazah yang disampaikan kepada ibunya, Shoba A/P Perumal, 51, dari Kuala Krai Kelantan di bilik kamar selepas tamat sidang pertama majlis. Turut sama Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr Daing Nasir Ibrahim.

Shoba melahirkan rasa gembira mewakili mendiang anaknya pada majlis konvokesyen namun terkilang tidak dapat menyaksikan anaknya naik pentas konvokesyen. "Saya gembira mewakilinya berada di sini hari ini, namun sedikit terkilang kerana mendiang sudah tiada dan saya tidak sangka UMP menguruskan kami sekeluarga untuk hadir sama menyaksikan majlis konvokesyen di sini," katanya yang ditemani sepupunya, Ganabathi Ramachandran, 36 tahun.

Katanya, pemergian mendiang adalah satu kehilangan besar bagi keluarga kami kerana mendiang diharapkan dapat membantu merubah nasib masa depan kami sekeluarga. "Selepas kematian suami pada 20 Julai lalu akibat sakit jantung, kami sekeluarga menaruh harapan kepadanya untuk membawa kami keluar dari lubuk kemiskinan memandangkan hanya dia anak lelaki tunggal dalam keluarga kami.

"Kini, semuanya hanya tinggal kenangan dan kami sekeluarga dapat menerima pemergian mendiang dengan hati yang tenang," kata Shoba a/p Perumal, ibu kepada mendiang Kamalanathan a/l Narayanan, 23, pelajar UMP yang maut dalam sebuah kemalangan jalan raya pada September lalu selepas membeli iket bas untuk menghadiri temuduga kerja di Kajang.

Shoba yang bekerja sebagai penoreh getah di sebuah estet di Kelantan berkata, mendiang anaknya itu seorang yang taat kepada ibu bapa dan seorang pelajar yang rajin mengulangkaji dan sangat disenangi oleh guru-guru serta rakan-rakannya pelajaran sejak dari bangku sekolah.

Katanya, cita-cita mendiang untuk menjadi seorang jurutera tidak terlaksana selepas terbabit dalam sebuah kemalangan jalan raya apabila motosikal yang ditungganginya bertembung dengan sebuah pacuan empat roda. Kamalanathan adalah bekas pelajar Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli (FKKSA) dan merupakan seorang yang aktif dalam bola sepak serta menjadi pemain bagi Kelab Bola Sepak, UMP FC.

"Meskipun terkilang dengan pemergian mendiang, namun saya tetap berbangga kerana hari ini dapat menggenggam Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Kejuruteraan Kimia milik anak saya yang berjaya menamatkan pengajian di UMP dengan cemerlang.

"Sebagai seorang ibu, pastinya inilah yang saya harapkan daripada seorang anak dan ijazah ini akan menjadi sebuah kenangan yang terindah dan bukti kesungguhan mendiang untuk membantu kami sekeluarga. Saya amat berterima kasih kepada pihak UMP kerana sudi menguruskan pengangkutan dan penginapan kami. Tanpa bantuan ini, amatlah sukar untuk kami hadir ke majlis konvokesyen ini," katanya yang ditemui selepas Majlis Konvokesyen ke-12 UMP.

Sementara itu, seramai 2845 graduan Universiti Malaysia Pahang (UMP) dirai menerima ijazah dan diploma masing-masing bersempena dalam Majlis Konvokesyen UMP kali ke-12 yang berlangsung selama tiga hari mulai 18 hingga 20 November ini di Dewan Kompleks Sukan UMP Kampus Gambang.

***Berita disediakan oleh Shalfarina Shahrinan (Penerbit UMP) dan gambar oleh Muhammad Naufal Samsudin (PNC)***

Posted By : NORHIDAYAH BINTI MOHAMAD Date Posted : 18-11-2017, 15:12:36